

Pertandingan silat S'pura-Indon pertama Ahad ini

29 JUN 1979

Pencak silat
ROMBONGAN silat Indonesia yang terdiri dari enam pegawai dan 25 orang ahli silat, dijadualkan tiba di sini hari ini untuk mengadakan satu siri pertunjukan dan perlawanan silat dengan ahli-ahli silat tempatan.

Mereka adalah anggota dari Ikatan Persekutuan Silat Indonesia (IPSI), Kejuruan Umum Nasional. Inilah kali pertama rombongan seumpama ini mengadakan lawatan ke sini dengan tujuan mengadakan perlawanan persahabatan dengan para pesilat tempatan.

Mereka akan mengadakan perlawanan dengan pesilat-pesilat dari Persekutuan Silat Singapura (Persisi) pada Ahad ini bertempat di Dewan Badminton Singapura, Guillemard Road, mulai 7.30 malam.

Menurut setiausaha agung Persisi, Encik Johari Uriff, rombongan dari Indonesia ini akan mengadakan demonstrasi di hadapan ahli-ahli silat tempatan pada Isnin depan bertempat di rumah Persisi.

"Pertunjukan yang akan diadakan oleh mereka dan juga pertandingan yang dijalankan adalah dalam konsep silat sebagai satu cabang olahraga dan tidak lebih dari itu.

"Kami berharap pertunjukan dan perlawanan ini akan dapat menempat-

Oleh SUMADI SARKAWI

kan pesilat-pesilat kita ke taraf antarabangsa untuk membolehkan kami menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa yang sering dijalankan di Indonesia," katanya.

Lawatan rombongan IPSI adalah atas undangan Persisi semasa ia berkunjung ke Indonesia tidak lama dulu. Ketika berada di sini, pegawai-pegawai dari kedua pertubuhan itu dijangka mengadakan rundingan mengenai pembentukan Persekutuan Silat Antarabangsa yang diura-urakan oleh kedua pihak.

Tanding persahabatan

Singapura dijangka akan mempela-jari dari IPSI mengenai konsep silat sebagai sukan yang akan dikembangkan di Republik ini.

Tiket-tiket untuk menonton pertandingan persahabatan antara pesilat Persisi dengan IPSI pada Ahad, 1 Julai depan, boleh didapati dari pejabat Persisi di No. 3, Jalan Penggaga ataupun Encik Jaafar Yaacob, 44C, Block 502, Bedok North Avenue 3 (telefon 4424669). Tiket berharga \$1 dan \$2.

Pertunjukan silat

Pencak silat
SERAMAI 14 pesilat-pesilat lelaki dan wanita dari Indonesia yang sedang mengadakan lawatan muhibah ke sini akan mengadakan pertunjukan dan perlawanan silat berbentuk olahraga di Dewan Badminton, Guillemard Road, mulai 7.30 malam ini.

Seni silat Indonesia di ekspo dagang

Pencak silat
DUA orang ahli silat dari Indonesia ini sedang menunjukkan kecekapan seni silat masing-masing (lihat gambar kiri) dalam satu pertunjukan khas sempena majlis perasmian ekspo perdagangan anjuran bersama Persisi/Perses, yang sedang berlangsung di Sims Avenue.

Mereka adalah anggota-anggota Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) yang mengadakan kunjungan muhibah ke sini atas undangan Persisi.

Konsep

Malam tadi, pasukan pesilat Indonesia ini telah mengadakan satu perlawanan persahabatan dengan pesilat-pesilat kerabat Persisi di Dewan Badminton Singapura.

Pertandingan silat ini adalah dalam konsep silat sebagai satu cabang sukan.

Hari ini, rombongan pesilat Indonesia itu akan mengadakan demonstrasi mereka di pekarangan latihan Persisi di Jalan Penggaga untuk kerabat-kerabat Persisi saja.

Usaha tubuh PPSA kian giat dijalankan

Pencak silat
USAHA-USAHA ke arah pembentukan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PPSA) kini semakin pesat dijalankan. Demikian menurut ketua serombongan 24 orang pesilat dari Indonesia, yang melawat negara ini minggu lalu.

Encik Oyong Karmayuda menyatakan bahawa sebagai permulaannya, persatuan itu akan dianggotai hanya oleh Malaysia, Singapura dan Indonesia tetapi ia akan diperluaskan ke lain-lain negara seluruh dunia bila kedudukannya telah agak mantap.

Rombongan

Pembentukan persatuan itu bertujuan terutama, katanya, untuk menjadikan seni silat sebagai satu cabang kegiatan sukan seperti judo, taekwondo dan karate. Sebab, setakat ini silat sebagai sejenis sukan hanya dicuba di Indonesia melalui Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi), semenjak 1970 lagi.

Jadi Indonesia tidak keberatan untuk memberikan penerangan kepada kalangan negara yang hendak menganjurkan pertandingan silat sebagai acara sukan.

pesilat dengan seorang pesilat tidak harus dianggap pertandingan antara jenis-jenis silat yang berlainan.

"Jadi, jika kemenangan berlaku, ia hanya boleh disifatkan sebagai kejayaan atas kecekapan si pesilat itu sendiri. Pihak yang kalah juga tidak harus mempunyai anggapan bahawa silat yang dipelajarinya itu tidak bagus atau kuat. Jika ini tidak dikikis, matlamat hendak menjadikan silat sebagai sejenis sukan tidak akan berjaya."

Penerangannya ditekankan lagi oleh Penanggungjawab Teknik Ipsi, Encik Januarno yang berkata: "Silat dalam bentuk olahraga ada pengadilnya dan pertandingan diadakan dalam gelanggang yang tertentu ukuran luasnya. Di samping itu, terdapat peraturan ketat untuk menjamin keselamatan setiap pesilat yang bertanding."

Perguruan

Keduanya juga berkata bahawa ekoran dari ketetapan di atas, tidak ada lagi perguruan-perguruan silat yang memang banyak jumlahnya di sana, berani mengaku bahawa silat yang mereka kembangkan itu merupakan yang